

# FYi



Your OSH preferred partner



JUN  
2025

**Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Sektor Gig dan Pekerja Tidak Formal**

**Kemalangan Kenderaan Berat, Perlunya Strategi Bersepadu**

[www.niosh.com.my](http://www.niosh.com.my)



**Jun 2025**  
**eISSN 2762-7412**



## Sidang Redaksi

Diterbitkan oleh:  
**National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia (199201011539).**

**Alamat :** Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**No. Tel :** +6 03-8769 2100

**No. Fax :** +6 03-8926 2900

**Emel :** general@niosh.com.my

**Laman Web :** www.niosh.com.my

### Penasihat

Dato' Haji Ayop Salleh  
Mejar Haji Hanif Maidin (B)

### Sekretariat

Noorliza Idawati Mat Nayan  
Mohd Hussin Abd Salam  
Siti Badariah Abu Bakar  
Siti Norshuhada Abdul Aziz  
M. Hamzah Jamaludin

### Editor

Muhamad Syarizat Azmi  
Fatin Alisha Zulkifli

### Pengiklanan dan Media

Mohd Hussin Abd Salam  
Emel : dl.bmd@niosh.com.my  
No. Tel : +6 016-559 7399

### Penghantaran Sumber / Bahan / Artikel

Fatin Alisha Zulkifli  
Emel: penerbitan@niosh.com.my  
No. Tel: +6 017-942 6536



Sila imbas kod QR ini untuk memberi maklum balas kepada penerbitan NIOSH

# Nota Pengarah Eksekutif

**Assalamualaikum W. B. T.**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

Dalam dunia moden yang bergantung kepada tenaga berasaskan gas dan bahan mudah terbakar, pengendalian peralatan bertekanan tinggi perlu diberi perhatian yang serius bagi mengelakkan kemalangan. Penggunaan gas dan bahan mudah terbakar pada masa ini amat meluas dalam sektor domestik, komersial dan industri, menjadikan aspek pengendaliannya amat penting dan perlu difahami agar mampu diurus dengan penuh tanggungjawab.

Insiden letupan dan kebakaran besar di Putra Heights, Subang Jaya, akibat kebocoran saluran paip gas pada 1 April 2025 menunjukkan kesan yang amat besar yang boleh tercetus akibat kebocoran bahan mudah terbakar ini. Kejadian yang berlaku pada hari kedua sambutan Aidilfitri itu telah menyebabkan lebih 100 orang cedera dan melibatkan pemindahan ratusan penduduk.

Kejadian ini menjadi peringatan penting bahawa kegagalan mematuhi piawaian keselamatan dalam pengurusan gas bertekanan tinggi boleh membawa kesan buruk bukan sahaja kepada pekerja, malah kepada masyarakat sekeliling. Namun, risiko yang sama juga boleh berlaku di rumah, premis perniagaan dan industri, dan silinder gas petroleum cecair (*Liquefied Petroleum Gas – LPG*) banyak digunakan.

Walaupun penggunaannya telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian, risiko keselamatan berkaitan LPG masih tinggi sekiranya ia tidak ditangani dengan betul. Silinder LPG menyimpan gas dalam bentuk cecair di bawah tekanan tinggi dan berpotensi menyebabkan letupan atau kebakaran sekiranya berlaku letupan, kerosakan struktur atau terdapat penyalahgunaan silinder tersebut.

Malangnya, pengetahuan mengenai piawaian keselamatan serta kaedah penyimpanan dan penyelenggaraan silinder LPG masih rendah dalam kalangan pengguna umum dan sebahagian pengendali industri. Justeru, sektor ini amat perlu berganding bahu untuk membantu pihak industri dan orang awam memahami isu berkaitan keselamatan silinder LPG termasuk mematuhi perundangan berkaitan.

Sebagai institusi yang dipertanggungjawabkan untuk memperkasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) komited dalam memainkan peranan proaktif bagi meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan silinder gas dan peralatan bertekanan lain.

Inisiatif ini dilaksanakan melalui penyediaan program latihan khusus, pembangunan modul keselamatan, kolaborasi bersama agensi penguat kuasa serta penyampaian maklumat berkesan kepada pihak industri dan orang awam.

Edisi FYI April 2025 turut menampilkan artikel bertajuk "*How Well Do You Know Your Cooking Gas Cylinder – Liquefied Petroleum Gas (LPG) Cylinder*" yang menyetekankan pelbagai isu keselamatan dan perundangan berkaitan keselamatan silinder LPG. Artikel ini turut menekankan piawaian utama yang digunapakai dalam reka bentuk dan pengilangan silinder seperti DOT 4BA, DOT 4BW dan MS ISO 22991, serta perkembangan terkini berkaitan penggunaan silinder komposit yang lebih ringan dan tahan karat.

Diharapkan perkongsian ini dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman semua pihak berkepentingan terhadap aspek keselamatan penggunaan silinder LPG. Semoga ilmu yang dikongsi akan turut mendorong pematuhan kepada piawaian semasa demi mewujudkan persekitaran kerja dan kehidupan yang lebih selamat dan sihat. ▽

" Pekerja Kesuma Bangsa "

Sekian, terima kasih.

**YBhg. Dato' Haji Ayop Salleh**  
Pengaruh Eksekutif  
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

## Senarai Kandungan

<b>Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Sektor Gig dan Pekerja Tidak Formal</b>	<b>3 - 4</b>
<b>Kemalangan Kenderaan Berat, Perlunya Strategi Bersepadu</b>	<b>5 - 6</b>
<b>Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Bulan April 2025</b>	<b>7- 11</b>
<b>Papan Kenyataan</b>	<b>12 - 14</b>
<b>Sudut Informasi</b>	<b>15</b>
<b>Keratan-Keratan Akhbar</b>	<b>16</b>

# Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dalam Sektor Gig dan Pekerja Tidak Formal

► Azhar Ahmad, CRD Department.

## Pengenalan

Sektor ekonomi gig merujuk kepada bentuk pekerjaan yang tidak berstruktur secara konvensional dan bergantung kepada permintaan jangka pendek atau tugas bebas. Ia melibatkan individu seperti penghantar makanan, pemandu *e-hailing*, pereka grafik bebas, penulis kandungan, serta ramai lagi yang beroperasi melalui platform digital. Di Malaysia, sektor ini menunjukkan pertumbuhan yang sangat ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut Kementerian Sumber Manusia, lebih daripada 3 juta rakyat Malaysia kini terlibat dalam bentuk pekerjaan gig.

Walaupun sektor ini menawarkan fleksibiliti, peluang pendapatan tambahan dan sokongan kepada ekonomi digital, terdapat jurang ketara dari segi perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Kebanyakan pekerja gig tidak dikawal selia di bawah akta pekerjaan sedia ada seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994). Ini menimbulkan persoalan penting: bagaimana nasib mereka dari sudut perlindungan apabila terlibat dalam kemalangan, mengalami stres pekerjaan, atau berdepan risiko keselamatan?

## Statistik & Isu Keselamatan Terkini

*Rider* kini menyumbang lebih 30% daripada jumlah kemalangan lalu lintas di kawasan bandar, di mana sebanyak 25% daripada kemalangan tersebut melibatkan kecederaan serius. Statistik PERKESO menunjukkan peningkatan ketara dalam insiden membabitkan pekerja sendiri, termasuk sektor gig, dengan 1,872 kes kecederaan dilaporkan pada tahun 2022 - meningkat sebanyak 159% berbanding 723 kes pada tahun sebelumnya, bersamaan kira-kira lima kes setiap hari. Dalam aspek perlindungan sosial pula, hanya sekitar 230,000 daripada anggaran 600,000 penunggang gig berdaftar dengan PERKESO, manakala sebahagian besar mereka tidak memiliki simpanan kecemasan (59%), insurans perubatan (57%) atau perlindungan insurans kemalangan kerja (37%), sekali gus menunjukkan tahap keselamatan sosial yang masih rendah dalam kalangan kumpulan ini.

## Cabaran Utama dalam Pengurusan Risiko KKP

### 1. Tiada Status Pekerja Formal

Sebahagian besar pekerja gig tidak dianggap sebagai "pekerja" mengikut definisi undang-undang buruh sedia ada. Mereka dikategorikan sebagai kontraktor bebas, yang bermaksud mereka tidak layak menerima perlindungan faedah pekerja tetap seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), cuti sakit berbayar, pampasan kemalangan kerja, dan lain-lain. Hal ini mengakibatkan pekerja gig menanggung sepenuhnya beban kewangan sekiranya berlaku insiden semasa bekerja. Tanpa status pekerja formal, tiada pihak majikan yang bertanggungjawab terhadap kebajikan dan keselamatan mereka.

### 2. Ketidaktentuan Masa dan Lokasi Kerja

Sifat fleksibel sektor gig membolehkan pekerja memilih waktu dan lokasi kerja mereka sendiri. Namun, kebebasan ini juga membawa risiko keselamatan yang tidak menentu. Sebagai contoh, penunggang penghantaran makanan sering bekerja pada waktu malam, semasa hujan lebat, atau semasa waktu puncak lalu lintas. Mereka terdedah kepada bahaya seperti kemalangan jalan raya, serangan jenayah, serta risiko kesihatan akibat keletihan fizikal dan mental. Keadaan kerja yang tidak terkawal ini menyukarkan usaha pemantauan risiko secara sistematik.

### 3. Kurangnya Akses kepada Latihan KKP

Berbeza dengan pekerja sektor formal yang diberikan latihan berkala mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pekerja gig jarang mendapat latihan seumpamanya. Mereka kebiasaannya tidak menyedari hazard dan risiko pekerjaan mereka, cara mengawal dan mengurangkan risiko, atau tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan. Misalnya, ramai penunggang tidak dilatih menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) seperti topi keledar berkualiti, jaket pemantul cahaya, atau sarung tangan. Tanpa latihan KKP, pekerja gig cenderung untuk mengambil tindakan berisiko tinggi demi mengejar pendapatan.

### 4. Tiada Mekanisme Laporan Bahaya atau Insiden

Dalam kebanyakan kes, tiada sistem rasmi untuk pekerja gig dan pekerja tidak formal melaporkan insiden, kemalangan atau keadaan kerja berbahaya. Platform

digital yang menghubungkan pekerja dengan pelanggan lazimnya tidak menyediakan saluran komunikasi khusus untuk aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Tanpa mekanisme ini, kejadian yang berlaku tidak direkod, tidak dianalisis dan tidak ditangani secara sistematik. Ini menghalang penambahbaikan berterusan terhadap keselamatan pekerjaan dan menyebabkan isu sama berulang.

## Cadangan dan Langkah ke Hadapan

### 1. Pengenalan Polisi KKP untuk Pekerja Gig dan Pekerja Tidak Formal

Kerajaan disaran untuk menggubal dasar baharu atau meminda undang-undang sedia ada bagi mengiktiraf status kontraktor bebas. Pengiktirafan ini penting bagi membolehkan pekerja gig dan pekerja tidak formal menikmati perlindungan asas seperti caruman keselamatan sosial dan akses kepada faedah kesihatan. Walaupun PERKESO telah memperkenalkan beberapa inisiatif seperti Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan Program *PenjanaGig*, tahap kesedaran dan penyertaan dalam kalangan pekerja gig masih rendah.

Dalam konteks pertumbuhan pesat ekonomi gig, langkah ini amat penting agar golongan ini tidak terus terpinggir dari aspek perlindungan sosial. Negara-negara maju seperti United Kingdom dan Kanada telah melaksanakan undang-undang khusus bagi mengisi jurang antara pekerja bebas dan pekerja tetap.

Namun, kerajaan sedang berusaha untuk menyediakan perlindungan dan manfaat kepada pekerja gig, termasuk penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia.

### 2. Kerjasama Platform Digital dengan Agensi KKP

Syarikat platform seperti *Grab*, *Foodpanda*, *Shopee* dan sebagainya perlu memainkan peranan aktif dalam menyumbang kepada keselamatan pekerja mereka. Kerjasama strategik dengan agensi seperti NIOSH, JKKP dan PERKESO boleh mewujudkan modul latihan keselamatan khusus, pelaksanaan SOP kerja selamat, serta penyediaan insurans kemalangan dan perubatan. Platform digital juga boleh menyediakan sistem pemantauan dan maklum balas terhadap risiko yang dilaporkan oleh pengguna atau pekerja.

### 3. Pemerkasaan Melalui Pendidikan dan Kesedaran

Pendidikan berterusan mengenai keselamatan pekerjaan perlu diberikan kepada pekerja gig melalui saluran yang mudah diakses seperti aplikasi mudah alih, video interaktif, media sosial, dan latihan dalam talian. Kandungan latihan perlu ringkas, relevan dan mudah difahami. Contohnya, video pendek tentang keselamatan jalan raya, pengurusan tekanan, pemakaian PPE, dan prosedur kecemasan akan dapat membantu meningkatkan tahap kesedaran pekerja gig dalam tempoh singkat.

### 4. Sokongan Sosial dan Insurans Mikro

Kerajaan boleh menggalakkan pelaksanaan skim perlindungan sosial mikro yang kos efektif dan mudah diakses oleh pekerja gig. Contohnya, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKPS) yang ditawarkan oleh PERKESO memberi perlindungan asas terhadap kemalangan dan kecederaan semasa bekerja. Pihak kerajaan boleh memperluaskan insentif caruman,

meningkatkan kesedaran, dan menjadikan penyertaan sebagai syarat wajib kepada platform digital yang beroperasi secara rasmi di Malaysia.


### 5. Mekanisme Pelaporan dan Pangkalan Data KKP

Mewujudkan sistem pelaporan risiko dan insiden secara dalam talian atau melalui aplikasi akan membolehkan agensi penguatkuasa memantau keadaan semasa sektor gig dan pekerja tidak formal. Data yang dikumpul dapat digunakan untuk merancang intervensi, membangunkan garis panduan baru dan merangka dasar berasaskan bukti. Ini penting untuk memastikan penambahbaikan berterusan dalam ekosistem pekerjaan tidak formal.

### Kesimpulan

Pekerjaan dalam sektor gig dan pekerja tidak formal memberikan peluang pendapatan dan fleksibiliti kepada jutaan rakyat Malaysia, tetapi aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan masih jauh daripada memadai. Ketiadaan perlindungan undang-undang,

kekurangan latihan, dan risiko kerja yang tinggi menjadikan golongan ini antara yang paling terdedah kepada kemalangan dan masalah kesihatan pekerjaan. Oleh itu, perlu ada pendekatan holistik yang merangkumi dasar kerajaan, kerjasama industri, latihan, perlindungan sosial dan kesedaran pekerja. Melalui langkah strategik dan kesungguhan semua pihak, kita boleh membina masa depan pekerjaan yang lebih selamat, inklusif dan mampan bagi seluruh tenaga kerja Malaysia - tanpa mengira bentuk pekerjaan mereka.

Rujukan: <https://www.thestar.com.my/starpics/2024/01/30/navigating-the-evolving-needs-for-protection-amongst-malaysias-dynamic-workforce?> 



# Kemalangan Kenderaan Berat, Perlunya Strategi Bersepadu



- ▶ Prof. Madya Dr Haliza Abdul Rahman
- ▶ Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan
- ▶ Institut Pengajian Sains Sosial
- ▶ Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- ▶ Universiti Putra Malaysia

Kemalangan melibatkan kenderaan berat seperti lori, treler dan bas ekspres merupakan antara penyumbang utama kepada statistik kemalangan jalan raya di Malaysia. Berdasarkan laporan sehingga suku pertama tahun 2024, sebanyak 652 kemalangan direkod melibatkan kenderaan berat dengan 287 kematian, 95 kes kecederaan parah dan 270 kecederaan ringan. Ini menunjukkan peningkatan yang membimbangkan dan memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Lebih memburukkan keadaan, data Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendedahkan bahawa sebanyak 825 lori terlibat dalam kemalangan maut sepanjang 10 bulan pertama tahun 2024, bersamaan hampir tiga kemalangan maut setiap hari. Situasi ini turut menyumbang kepada lebih 5,000 kematian akibat kemalangan jalan raya dalam tempoh tersebut.

Lebuhraya PLUS yang menjadi laluan utama bagi banyak kenderaan berat turut mencatatkan statistik yang membimbangkan. Pada tahun 2023 walaupun kenderaan berat hanya mewakili 10% daripada jumlah trafik di lebuhraya, mereka menyumbang kepada 34% daripada kemalangan maut. Antara punca utama kemalangan melibatkan kenderaan berat termasuklah kecuaiannya pemandu, memandu melebihi had laju, membawa muatan berlebihan dan kegagalan menyelenggara kenderaan dengan baik. Selain itu, keletihan dan tekanan kerja yang tinggi turut menjadi faktor kepada kehilangan fokus semasa memandu, menyebabkan risiko kemalangan semakin meningkat.

Kajian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mendapati walaupun kenderaan berat hanya menyumbang 9% daripada jumlah trafik lebuhraya, mereka terlibat dalam hampir 50% kemalangan maut. Kesan kemalangan melibatkan kenderaan berat bukan sahaja melibatkan kehilangan nyawa, malah menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk, kerosakan jalan raya dan menyukarkan operasi penyelamat. Oleh itu, langkah komprehensif seperti peningkatan latihan kepada pemandu, penyelenggaraan kenderaan secara berkala, penggunaan teknologi pemantauan masa nyata serta kempen

kesedaran awam amat diperlukan bagi menangani isu ini secara berkesan.

## STRATEGI BERSEPADU

Walaupun pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi berkaitan, namun dalam menangani isu ini, strategi bersepadu melibatkan semua pihak berkepentingan perlu diberi perhatian serius dalam mengurangkan kadar kemalangan kenderaan berat yang semakin membimbangkan. Antaranya penguatkuasaan lebih ketat melalui 53 stesen timbang serta penggunaan 75 unit alat timbang mudah alih oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). JPJ adalah agensi utama yang bertanggungjawab dalam penguatkuasaan undang-undang lalu lintas dan pemantauan teknikal terhadap kenderaan berat. Pada tahun 2023, JPJ telah mengeluarkan lebih daripada 45,000 notis saman terhadap kenderaan berat atas pelbagai kesalahan termasuk muatan berlebihan dan kelalaian penyelenggaraan. Justeru, mereka perlu lebih kerap menjalankan operasi khas dan pemeriksaan ke atas sistem brek, tayar, lampu dan keadaan fizikal kenderaan berat secara berkala bagi mengurangkan kadar kemalangan.

Selain itu, penggunaan teknologi baharu perlu dipertingkatkan dalam usaha mengelak berlakunya kemalangan. Antaranya High Speed - Weigh in Motion (HS-WIM) yang sedang dibangunkan bagi membolehkan kenderaan berat dipantau secara automatik tanpa perlu berhenti di stesen timbang. Sistem ini akan membantu mengurangkan kebergantungan kepada pemeriksaan manual dan membolehkan tindakan segera diambil ke atas kenderaan yang membawa muatan berlebihan. Langkah ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan penguatkuasaan dan mengurangkan risiko kemalangan berkaitan muatan berlebihan. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pula dalam proses membangunkan teknologi keselamatan seperti sistem brek automatik, pemantauan tekanan tayar dan alat pengesan keletihan pemandu yang kini dalam fasa kajian dan ujian bersama beberapa syarikat logistik besar.

Hal ini menunjukkan bahawa agensi kerajaan memainkan peranan yang

sangat penting dalam menangani isu kemalangan melibatkan kenderaan berat di Malaysia. Terdapat beberapa agensi utama yang terlibat secara langsung dalam penguatkuasaan undang-undang, pemantauan keselamatan serta pembangunan polisi yang berkaitan dengan pengurusan kenderaan berat. Antaranya ialah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Setiap agensi ini memainkan peranan khusus dalam mengurangkan kadar kemalangan dan meningkatkan tahap keselamatan jalan raya khususnya melibatkan kenderaan berat seperti lori, bas dan treler. LLM misalnya memastikan lebuhraya negara direka bentuk dengan mengambil kira keperluan kenderaan berat. Ini termasuklah pembinaan lorong mendaki khas, zon perlahan serta kawasan rehat dan rawat (R&R) yang mencukupi untuk pemandu berehat. Kerjasama LLM dengan operator lebuhraya seperti PLUS Malaysia Berhad juga penting dalam pengumpulan data dan penilaian kawasan berisiko tinggi kemalangan.

Langkah seterusnya ialah memperkukuhkan latihan dan pendidikan kepada pemandu kenderaan berat. Ramai pemandu menghadapi tekanan masa, keletihan dan kekurangan kesedaran keselamatan yang boleh membawa kepada kecuaiannya. Oleh itu, syarikat pengangkutan harus diwajibkan untuk menyediakan program latihan berkala, termasuk pengurusan keletihan, pengendalian kenderaan berat di kawasan berisiko serta pengetahuan asas penyelenggaraan kenderaan. Sebagai contoh, syarikat logistik seperti DHL dan TNB telah memperkenalkan modul latihan keselamatan untuk semua pemandu mereka bagi mengurangkan kadar kemalangan. Kajian MIROS juga menunjukkan bahawa latihan keselamatan mampu mengurangkan risiko kemalangan sebanyak 30% dalam kalangan pemandu lori.

Selain itu, pembangunan infrastruktur jalan yang lebih selamat dan mesra kenderaan berat juga sangat penting. Ini termasuk membina lorong khas untuk kenderaan berat di laluan berisiko

tinggi seperti kawasan berbukit, selekoh tajam dan zon perlahan. Contohnya, di Lebuhraya Karak yang mana beberapa lorong mendaki khas telah diwujudkan bagi kenderaan berat untuk mengurangkan konflik dengan kenderaan ringan. Pemasangan sistem amaran awal seperti paparan berat muatan dan sistem brek kecemasan automatik juga boleh membantu mengurangkan kadar kemalangan. Di negara seperti Jepun dan Jerman, sistem sedemikian telah terbukti mengurangkan kadar kemalangan kenderaan berat sehingga 40%.

Pendidikan dan kesedaran kepada semua pengguna jalan raya juga tidak boleh

diabaikan. Kempen keselamatan seperti "Pandu Cermat Jiwa Selamat" harus diperluaskan dan difokuskan kepada interaksi selamat antara pemandu kenderaan ringan dan berat. Statistik menunjukkan bahawa sebahagian besar kemalangan yang melibatkan kenderaan berat turut melibatkan kecauan pengguna jalan raya lain yang gagal memahami titik buta (blind spot) kenderaan berat atau memotong secara berbahaya. Oleh itu, pendidikan menyeluruh perlu digiatkan di sekolah, media massa, dan media sosial.

Kesimpulannya, kemalangan kenderaan berat di Malaysia adalah

isu keselamatan yang serius dan semakin meruncing. Gabungan antara tindakan penguatkuasaan yang tegas, inovasi teknologi dan perubahan sikap pengguna jalan raya amat penting bagi mengurangkan kadar kemalangan dan memastikan keselamatan semua pihak. Usaha bersepadu antara kerajaan, agensi penguatkuasa, syarikat pengangkutan dan orang awam perlu digerakkan dengan segera bagi menjamin masa depan sistem pengangkutan jalan raya yang lebih selamat dan mampan. ▀



## Program Khidmat Rundingan CHRA di Ar-Rahnu X'Change

10 Jun 2025

10 Jun 2025, Kuantan – Program Khidmat Rundingan *Chemical Health Risk Assessment* (CHRA) telah dijalankan di Ar-Rahnu X'Change, Kuantan. Program ini bertujuan mengenal pasti bahan kimia berbahaya di tempat kerja, menilai tahap pendedahan pekerja serta menentukan langkah kawalan yang sesuai. Pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Daud Adam.



## Program Khidmat Rundingan WINA di Ladang Pagoh, SD Guthrie

12 Jun 2025


12 Jun 2025, Bukit Pasir – Program Khidmat Rundingan *Workplace Improvement Need Analysis* (WINA) telah dijalankan oleh Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) NIOSH bertempat di Ladang Pagoh, SD Guthrie. Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti keperluan penambahbaikan tempat kerja dari aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Analisis ini turut dijalankan sebagai pendekatan awal ke arah pembentukan plan intervensi yang lebih menyeluruh dan berimpak tinggi. Pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Noorul Azreen Azis.



## Program Khidmat Rundingan IAQ di EPIC Kemaman Supply Base

15-16 Jun 2025

15-16 Jun 2025, Kemaman – Program Khidmat Rundingan *Indoor Air Quality* (IAQ) telah dijalankan oleh Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) NIOSH bertempat di EPIC Kemaman Supply Base, Kemaman Terengganu. Program ini bertujuan untuk memastikan persekitaran udara dalam mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) melalui Industry Code of Practice on Indoor Air Quality (ICOP IAQ). Pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Daud Adam, En. Alfie Syahreem Haris, Chm. Mohd Norhafsam Maghpor, Ts. Baderin Osman, En. Azrulaszwan, Pn. Nor Shahiran Izzudin dan Pn. Haalah Mahmud. ▽



## Program Ergonomic Risk Assessment (ERA) di Wisma FELCRA

16 - 17 Jun 2025

16 – 17 Jun 2025, Kuala Lumpur – Program *Ergonomic Risk Assessment* (ERA) telah dijalankan oleh Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) NIOSH bertempat di Wisma FELCRA, Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko ergonomik di tempat kerja bagi memastikan kesejahteraan dan kesihatan pekerja terjamin serta produktiviti kerja dapat ditingkatkan. Pegawai NIOSH yang terlibat ialah Dr. Hj. Muhamad Arif Muhamad Noordin, En. Arif Afzan, En. Noorul Azreen Azis, En. Muhd. Nur Ikhwan Shafiee dan Pn. Shafina Nadiawati Abdul. ▽





## Kunjungan UTHM ke NIOSH

18 Jun 2025

18 Jun 2025, Bandar Baru Bangi – NIOSH telah menerima kunjungan daripada pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang terdiri daripada Pascasiswazah. Tujuan utama kunjungan ini adalah untuk mendapatkan maklumat awal mengenai kepakaran NIOSH dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, di samping membincangkan potensi kerjasama akademik dan industri khususnya dalam pengesahan program PhD/Industri yang ditawarkan oleh UTHM. Pegawai NIOSH yang terlibat ialah Pn. Siti Faeza Yani Jumat. ▽



## Mesyuarat Agung Tahunan NIOSH ke-32

19 Jun 2025



19 Jun 2025, Bandar Baru Bangi - Mesyuarat Agung Tahunan NIOSH ke-32 telah berlangsung dengan lancar pada 19 Jun 2025 bertempat di Dewan Rafflesia, Menara NIOSH, Bangi. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YB Chong Chieng Jen, Pengerusi NIOSH.

Turut hadir Naib Pengerusi NIOSH, Tuan Manivanan Gowin, Pengarah Eksekutif NIOSH, Dato' Haji Ayop Salleh dan Setiausaha Eksekutif NIOSH, Mejar Haji Hanif Maidin (B). Acara rasmi bermula pada jam 10 pagi dengan

nyanyian lagu Negaraku, bacaan ikrar dan doa, serta taklimat keselamatan. Seterusnya, mesyuarat diteruskan dengan pembentangan laporan tahunan, penyata kewangan dan pembentangan usul dan undian untuk meluluskannya.

Sebagai sebahagian daripada agenda tahun ini, buat julung-julung kalinya NIOSH turut menyampaikan anugerah khas iaitu *“Outstanding Corporate and Individual Awards”*, sebagai pengiktirafan kepada sumbangan cemerlang individu dan syarikat untuk

membantu NIOSH meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara.

Turut diadakan sesi cabutan bertuah untuk ahli NIOSH yang hadir dan pihak NIOSH merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir untuk menjayakan mesyuarat kali ini. ▽

## Taklimat KKP di Smollan Malaysia Sdn. Bhd.

19 Jun 2025

19 Jun 2025, Petaling Jaya - Taklimat berkaitan Pengenalan kepada Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) serta Amalan Langkah Kerja Selamat telah disampaikan oleh Pegawai NIOSH bertempat di Smollan Malaysia Sdn. Bhd. Sesi ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang kakitangan yang terdiri daripada pihak pengurusan dan kakitangan lapangan. Ini merupakan salah satu usaha untuk memupuk dan membentuk persekitaran kerja yang selamat dan sihat bagi kakitangan yang berkhidmat. ▽



## Majlis Pertukaran MoU antara NIOSH dan IPSAS

25 Jun 2025

25 Jun 2025, Bandar Baru Bangi - NIOSH dan Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia telah menjalinkan kerjasama yang dimeterai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di NIOSH Bandar Baru Bangi. Dalam majlis tersebut, IPSAS telah diwakili oleh Prof. Dr. Haslinda Abdullah, Pengarah IPSAS manakala NIOSH diwakili oleh Mejar Haji Hanif bin Maidin (B), Setiausaha Eksekutif NIOSH. ▽



## Program Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat NIOSH

25 Jun 2025

25 Jun 2025, Bandar Baru Bangi - Program sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2025 anjuran NIOSH telah berlangsung dengan meriah bertempat di NIOSH Bandar Baru Bangi. Bertemakan “Derma Darah, Semai Harapan: Bersama Selamatkan Nyawa”, program ini menghimpunkan warga kerja, orang awam dan rakan strategik dalam suasana santai tetapi bermakna. Antara pengisian utama program ini ialah aktiviti derma darah bagi 50 penderma terawal, pembukaan reruai pemeriksaan kesihatan oleh Pusat Darah Negara (PDN) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat, sesi NIOSHTalk yang disampaikan oleh wakil penceramah daripada PDN serta sesi cabutan bertuah. ▽



## SEMINAR

1





Selamat Hari Raya  
**Aidiladha**

MALAYSIA  
MADANI  
*hormat*

Ikhlas daripada:  
Ahli Lembaga Pengarah  
Pengurusan dan warga kerja NIOSH

ASEAN SAFETY AND HEALTH  
WORKERS SUMMIT 2025

NIOSHcert | OHSCT | SarawakDay | MALAYSIA | ETICALABCT | NIOSH

f t i p www.niosh.com.my



إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

**SALAM TAKZIAH**  
KEPADA SELURUH KELUARGA

**PUAN SRI DATUK AMAR HAJJAH  
JUMA'ANI TUN TUANKU HAJI BUJANG**  
ISTERI KEPADA YAB PREMIER SARAWAK

Ikhlas daripada:  
Ahli Lembaga Pengarah  
Pengurusan dan warga kerja NIOSH

f t i p www.niosh.com.my



إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan warga kerja NIOSH  
mengucapkan

**SALAM TAKZIAH**  
kepada seluruh ahli keluarga mangsa  
NAHAS KEMALANGAN JALAN RAYA MEMBABITKAN  
PELAJAR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

f t i p www.niosh.com.my

# JOM IKLAN

**Tingkatkan jualan produk & perniagaan anda melalui Ruang Iklan di FYI NIOSH**



FYI NIOSH diedarkan dalam bentuk softcopy kepada ahli NIOSH, rakan strategik sektor awam dan swasta, dan juga pelanggan.

PAKEJ RUANG IKLAN			
Jenis Iklan	1 Bulan	6 Bulan	12 Bulan
<b>Muka Surat 2 (Dalam)</b> - Muka penuh - 21cm X 29.5cm	RM 1,000	RM 5,000	RM 10,000
<b>Muka Akhir (Dalam)</b> - Muka penuh - 21cm X 29.5cm	RM 800	RM 4,000	RM 8,400
<b>1 Muka Penuh (Dalam)</b> - 21cm X 29.5cm	RM 700	RM 3,500	RM 7,350
<b>1/2 Muka</b> - 21cm X 14.5cm	RM 600	RM 3,000	RM 6,300
<b>1/4 Muka</b> - 10.5cm X 14.5cm	RM 500	RM 2,500	RM 5,250

**\*Harga pakej tidak termasuk 6% SST**

**Terma & Syarat :**

- Semua pengiklan hendaklah menyediakan *artwork*.
- Pengiklan hendaklah memberi design *artwork* iklan sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh penerbitan.
- Bayaran hendaklah dibayar kepada akaun NIOSH berserta *design artwork*.
- Pengiklan perlu memohon melalui emel di [di.bmd@niosh.com.my](mailto:di.bmd@niosh.com.my)
- Sekiranya pemohonan diluluskan , pihak NIOSH akan menghubungi pengiklan.

**IKLANKAN  
PERNIAGAAN ANDA**

**INILAH MASANYA  
UNTUK ANDA**

## UPCOMING AWARENESS PROGRAMME COURSE APRIL - JUNE 2025

**NIOSH BANDAR BARU BANGI**

COURSE	DATE
Classification, Labelling and Safety Data Sheet of Hazardous Chemicals for Classifier (CLASS2)	14-17/04
Incident Reporting and Analysis Technique (IRAT)	21-23/04
Lung Function Testing and Analysis (LFTA)	24/04
Process Safety Management (PSM)	28-30/04
Basic Principle of Industrial Hygiene (BPIH)	05-08/05
Ergonomics and Manual Handling in the Workplace (EMHW)	14-15/05
Kiken Yochi Training (KYT)	19-20/05
Safety in the Use of Chemicals (STUC)	21-22/05
Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA)	26/05
Occupational Safety and Health for Construction Personnel (OCP)	27-29/05
Behaviour Based Safety for Observer (BBSO)	03-04/06
Emergency Preparedness and Response Plan (EPRP)	11-12/06
Interactive Training Series - Working Safely at Height (ITSWAH)	16/06
Effective Safety and Health Committee (ESHC)	18-19/06
Occupational Safety, Health and Environment Management (OSHE)	24-25/06

**COME JOIN US !**



WhatsApp : 013-2224966      Tel: 03-87692100 ext: 3804/3844



**SereniteStay**  
Finest Stay In The City

SereniteStay is fully owned by the National Institute of Occupational Safety and Health ( NIOSH ). We are conveniently located at Seksyen 15 Bandar Baru Bangi, Selangor. Our accommodation comprises 76 fully furnished guest rooms, ranging from twin sharing and suite rooms. Consisting of 8 suite rooms, 8 twin sharing for the disabled person and the rest are twin sharing. We are not only open to the participant that joined our course but we also welcome the public to stay at SereniteStay.

For your information, SereniteStay provides free facilities such as bicycles, a gymnasium, a multipurpose court, a library, Occupational Health Clinic (OHC), and WIFI.

Scan the QR code to make an online reservation



or visit <https://serenitestay.niosh.net.my/>



SereniteStay  
National Institute of Occupational Safety and Health ( NIOSH )  
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor



- Hall/Call**
- Rafflesia Hall
  - Tan Sri Lee Lam Thye Hall
  - Theater Hall
  - Sri Pelangi Hall
  - Sri Anggerik Hall
  - Aman Meeting Room
  - VIP Holding Room
- Room**
- Single Room
  - Twin Sharing Room
  - Suite Room
- Food and Beverage Services**

Contact No.  
MRS. MADHIRAH : +6011 2101 6109  
MS. NURUL 'AIN : +6013 948 4013

Email : serenitestay@niosh.com.my

*Finest Stay in The City*



HALL/ CALL RENTAL	CATEGORY	RATE		
		WEEKDAYS	WEEKEND	ANYTIME/ANYDAY
RAFFLESIA HALL Capacity: 150 pax	GOV	RM43,000.00	RM43,500.00	RM100.00
	NON GOV	RM43,500.00	RM46,000.00	RM100.00
TAN SRI LEE LAM THYE HALL Capacity: 300 pax (with table arrangement) 400 pax (without table)	GOV	RM43,000.00	RM43,500.00	RM100.00
	NON GOV	RM43,500.00	RM46,000.00	RM100.00
THEATER HALL Capacity: 200 pax	GOV	RM42,000.00	RM42,500.00	RM100.00
	NON GOV	RM42,500.00	RM43,000.00	RM100.00
SRI PELANGI HALL Capacity: 50 pax	GOV	RM6,500.00	RM6,600.00	RM100.00
	NON GOV	RM6,600.00	RM7,700.00	RM100.00
SRI ANGERIK HALL Capacity: 100 pax	GOV	RM5,000.00	RM6,000.00	RM100.00
	NON GOV	RM6,000.00	RM7,000.00	RM100.00
AMAN MEETING ROOM Capacity: 20 pax	GOV	RM3,500.00	RM4,000.00	RM100.00
	NON GOV	RM4,000.00	RM5,000.00	RM100.00
VIP HOLDING ROOM Capacity: 10 pax	GOV	RM150.00	RM200.00	RM50.00
	NON GOV	RM200.00	RM250.00	RM50.00
TRAINING ROOM	GOV	RM500.00	RM600.00	RM100.00
	NON GOV	RM600.00	RM700.00	RM100.00



**ROOM RATE**

PACKAGE			INDIVIDUAL		
<b>SINGLE ROOM</b> RM 135.00/PAX	<b>TWIN SHARING ROOM</b> RM100.00/PAX	<b>SUITE ROOM</b> RM160.00/PAX	<b>SINGLE ROOM</b> RM 90.00/PAX	<b>TWIN SHARING ROOM</b> RM90.00/PAX	<b>SUITE ROOM</b> RM160.00/PAX

**FOOD AND BEVERAGE SERVICE ( PACKAGE )**

- 5x meal RM18.00
- 8x meal RM12.00
- 3x meal RM14.00
- 2x meal RM17.50
- 1x meal RM12.50
- BBQ RM178.00 (Kod A)
- BBQ RM98.00 (Kod B)

**EXTRA CHARGES**

NO.	ITEM	PRICE/ UNIT/ DAY
1.	LAPTOP	RM200.00
2.	LCD	RM100.00
3.	WHITE SCREEN	RM50.00
4.	PORTABLE WHITE SCREEN	RM200.00
5.	PORTABLE WHITE BOARD	RM100.00
6.	STAND MIC	RM10.00
7.	MICROPHONE	RM100.00
8.	SET KARAOKE	RM800.00
9.	FLIP CHART	RM50.00
10.	EXTRA WIRE (AP) 50Mbps -100Mbps	RM1,000.00
11.	TILAM TAMBAHAN	RM30.00
12.	PERKATAK	RM100.00

**MyNIOSSH**

MyNIOSSH merupakan aplikasi mudah alih paparan berpusat bagi pelbagai perkhidmatan NIOSH

**Muat Turun dan Pasang aplikasi ini sekarang!!!**

Jom dapatkan aplikasi MyNIOSSH di Google PlayStore & Apple Store.

Kini, anda boleh menyemak kursus dan E-Card anda dan info terkini di MyNIOSSH apps.

**Muat turun sekarang**

Available on the iPhone **App Store** | **ANDROID APP ON Google play**

Version 1.7.0

**Ciri-ciri Aplikasi**

- **Daftar dan Semak** status kursus
- **Akses** kepada E-Card (Kad Perakuan Latihan & Kad Pasport)
- **Maklumat dan Promosi** terkini
- **Capaian** ke eposter, buletin dan bahan terbitan percuma
- **Maklumbalas**



www.niosh.com.my

**OCCUPATIONAL HEALTH SERVICES**

Your Health, Our Priority !

**FOR MORE INFORMATION**  
+012-264 0869  
ohc@niosh.com.my

**Our Service**

At OHC Clinic, we prioritize your health and well-being. Our dedicated team of professionals is here to provide exceptional OCCUPATIONAL HEALTH (OH) services tailored to your needs. Choose us for:

- Occupational Health Services (MS, ATA)
- Basic Health Screening
- FREE Walkthrough Survey
- InBody Expertise

- 80% Discount for InBody Test (RM20)**
- Health Screening Package A (RM100)**  
Medical Checkup + InBody Test + OSH Talk with free Consultancy in-house Program min. 20 pax
- Health Screening Package B (RM80)**  
Medical Checkup + InBody Test with FREE Consultancy

NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor

www.niosh.com.my



# SCAFFOLD ERECTOR

## FOR INTERMEDIATE LEVEL (SCF2)

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA NIOSH



<https://daftar.niosh.net.my/ncp>

### ATTENDEES

- DELEGATES HAVE A VALID SCAFFOLD ERECTOR BASIC LEVEL AND HELD THE CERTIFICATE FOR AT LEAST ONE YEAR AND IF EXPIRED, IT SHOULD NOT EXCEED ONE YEAR FROM THE EXPIRATION DATE.

**RM2500.00**  
(INCLUSIVE OF 8% SST)

**COURSE DURATION: 10-DAYS**  
**COURSE CATEGORY: COMPETENCY**  
**COURSE LEVEL: INTERMEDIATE**

**JOIN US**





[WWW.NIOSH.COM.MY](http://WWW.NIOSH.COM.MY)



MALAYSIA MADANI *Kesjahteraan*

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA NIOSH

## PELUANG LATIHAN PERCUMA! UNTUK 10,000 PESERTA

### PROGRAM PENYELARAS KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (OSHC MADANI)

Jadilah Penyelaras Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH-C) yang kompeten dan tingkatkan keselamatan di tempat kerja anda!

#### SYARAT PENYERTAAN:

- Warganegara Malaysia
- Berumur 25 - 50 tahun
- Mempunyai sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman bekerja
- Terbuka kepada individu yang:
  - Tidak bekerja / bekerja sendiri
  - Sihat fizikal dan mental
  - Bekerja dengan majikan yang tidak mencarum HRD Corp
  - Bekerja di syarikat kategori Mikro & Kecil

#### APA ITU OSH-C?

Latihan ini melengkapkan peserta dengan kemahiran penting sebagai Penyelaras Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja. Selaras dengan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022, majikan kini diwajibkan untuk melantik Penyelaras KKP di tempat kerja tertentu.

**DEFINISI SYARIKAT MIKRO & KECIL:**

- Mikro: Pendapatan tahunan < RM300,000 & pekerja < 5 orang
- Kecil: Pendapatan RM300,000 - RM15 juta & pekerja < 75 orang

#### CARTA ALIR PERMOHONAN

```

    graph LR
    A[Pemohon mengisi borang permohonan secara online] --> B[ Pihak NIOSH akan membuat saingan mengikut syarat dan terma (7 hari bekerja) ]
    B --> C[ Pemohon yang diluluskan akan menerima notifikasi melalui sms/whatsapp@email@awgajilang ]
    C --> D[ Pemohon memilih lokasi dan tarikh kursus yang berkenaan ]
    
```

IMBAS KOD QR UNTUK PENDAFTARAN



Untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenai program OSHC Madani, sila hubungi kami melalui e-mel di [oshcmadani@niosh.com.my](mailto:oshcmadani@niosh.com.my).

**TEMPAT ADALAH TERHAD! REBUT PELUANG INI SEKARANG.**



VISION ZERO   
Safety Health Wellbeing

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA NIOSH

## TEMPAT TERHAD DAFTAR SEKARANG



### OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH COORDINATOR (OSH-C)

**GERAN PERKESO 2025**

LOKASI:  
NIOSH HQ, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

**MAKLUMAT PENTING**

- Penyertaan hanya dibenarkan bagi peserta yang layak sahaja (pencarum PERKESO / majikan berdaftar dengan PERKESO)
- Peserta adalah TERHAD kepada 18-20 PAX sahaja bagi satu sesi / kelas (tiada paparan dalam sistem jika penuh)
- Pendaftaran dalam talian di e-DAFTAR laman web NIOSH (<https://daftar.niosh.net.my/>) > Kompetensi > OSHC (soco grant)

**TEMPAT TERHAD DAFTAR SEKARANG**

**PENYERTAAN ADALAH PERCUMA**

SYARAT PENYERTAAN PESERTA

- ✓ PROGRAM UNTUK MAJIKAN YANG MENCARUM KEPADA PERKESO SAHAJA
- ✓ SETIAP PESERTA MEMPUNYAI MAJIKAN YANG BERDAFTAR DENGAN PERKESO SAHAJA



# Air kilang belacan punca ikan mati

Air tidak terawat dari longkang kilang memasuki parit

Oleh SAIFULLAH AHMAD IPOH

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak mendapati punca kematian ribuan ikan di dalam parit di Kampung Sungai Payung dan Sungai Tiang Baroh di Bagan Datuk disyaki berpunca daripada sebuah kilang memproses belacan.

Exco Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Perak, Teh Kok Lim berkata, kilang belacan itu dipercayai melepaskan air tidak terawat ke dalam longkang kilang.

Menurutnya, pelepasan air tidak terawat itu kemudiannya memasuki parit dan sungai berhampiran.



Ribuan ikan mati di dalam parit akibat pencemaran di Kampung Sungai Tiang Baroh dan Kampung Sungai Payung, Bagan Datuk pada Selasa.

Warna air parit berubah menjadi kersah dan dipercayai akibat pencemaran. Gambar keci: Kok Lim.

"Pihak JAS Perak telah mengambil sampel air sungai dan air dari kilang belacan untuk proses perbandingan fingerprint. "Kepulauan, persampelan akan diketahui tidak lama lagi."



Beliau memaklumkan mengenai ribuan ikan mati di parit hadapan rumahnya seawal jam 7 pagi.

Suadain itu, pihak JAS bertindak menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kejatuhan.

Beliau memaklumkan mengenai ribuan ikan mati di parit hadapan rumahnya seawal jam 7 pagi. Suadain itu, pihak JAS bertindak menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kejatuhan.

# Maut dihempap tembok konkrit nama kampung

JASIN - Seorang lelaki yang sedang melakukan kerja-kerja perparitan maut selepas dihempap tembok konkrit tunda jalan yang runtuh secara tiba-tiba di Kampung Baru Gunung Emas, Asahan, di sini pada pagi Rabu.



Tembok konkrit terata nama kampung runtuh dan menghempap Nazri yang sedang melakukan kerja-kerja perparitan.

Kemudian, tembok konkrit runtuh dan menghempap Nazri yang sedang melakukan kerja-kerja perparitan.

"Seramai empat anggota dikejarkan ke hospital bersama jentera dan kenderaan tunda mangsa sudah pun dikeluarkan oleh orang awam dan sisa runtuhan teresat," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jasin, Superintendan Mohamad Rusli Mat berkata, ketika mangsa sedang bekerja secara tiba-tiba batu konkrit yang merupakan tanda nama kampung runtuh lalu meng-

hempap mangsa. "Pegawai perubahan yang bertugas mengesahkan mangsa meninggal dunia di lokasi kejadian. "Mayat mangsa telah dibawa ke Hospital Jasin untuk proses bedah cecair," katanya lagi.

Ujar beliau, pemeriksaan mendapati tiada sebarang unsur jenayah ditemui pada tubuh badan mangsa dan kes di-klasifikasikan sebagai mati mengejut.

# Bas bawa 13 pelajar UMPSA kemalangan

Bas ekspres terlanggar belakang triler di LPT, semua penumpang terselamat

Oleh ROSLIWATI ROSEDI KUANTAN

Seramai 28 penumpang termasuk 13 pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultani Abdullah (UMPSA) terselamat selepas bas yang dinaiki mereka melinggar belakang sebuah triler di Kilometer 191.5 Lebuhraya Pantai Timur (LPT), arah timur tengah malam Selasa.



Kedudukan bas ekspres yang membawa 28 penumpang termasuk 13 pelajar UMPSA.

Tambahnya, penumpang bas telah dipindahkan ke bas lain untuk ke Kuantan dan kes disiasat mengikut Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Dalam pada itu, seorang pelajar UMPSA, Hakim Izudin Senin, 23, berkata, dia dan beberapa rakan sedang dalam perjalanan pulang ke kampus selepas bercuti sempena Aidiladha.

"Masa itu bas bergerak perlahan dan saya sedang tengok TikTok, jadi tak sedar apa yang berlaku."

"Tiba-tiba dengar jeritan penumpang di hadapan sebelum bas mencekuk triler," katanya. Menurutnya, suasana dalam bas bertukar kecoh dengan bunyi jeritan dan kaca pecah.

"Bagaimanapun, kami bersyukur kerana semua terselamat," katanya. Sementara itu, Nabeq Canselor UMPSA, Profesor Dr Yatinah Alias, mengesahkan menerimanya laporan seramai 13 pelajar UMPSA terabadi dalam kemalangan di Maran pada Selasa.

"Tiada kecederaan dilaporkan dan pelajar selamat tiba di kampus dengan menaiki bas ganti penguasa bas berkenaan sekitar jam 4 pagi tadi (Selasa)."

"Dengan bantuan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), pelajar yang tiba di Masjid UMPSA Gambang di-santuni serta diberikan bantuan dan sokongan segera," katanya.

# Lori tangki bawa minyak sawit bocor lepas langgar penghadang besi

Bukit Mertajam: Sebuah lori tangki membawa muatan minyak sawit bocor selepas penandunya terlanggar penghadang besi di Laluan Pintas Tol Juru mengahala arah utara di sini, semalam.

Kejadian itu menyebabkan berlakunya tumpahan minyak dianggarkan 500 liter (l) sebagai gas mengakibatkan kesesakan lalu lintas.

Petroling Pengarah Bahagian Operasi Kebolehan dan Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri, John Sagan Francis, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 11.59

pagi berhubung insiden berkenaan. Katanya, seramai 11 anggota termasuk penyelia dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) berhadapan dengan bantuan Pasukan Khas Bahang Kimia Berbahaya (HVAZMAT) dan Unit Sungai Bakap ke lokasi kejadian bagi operasi memersihkan tumpahan berkenaan.

"Apabila tiba didapati kejadian melibatkan tumpahan minyak kelaja sawit dari sebuah lori tangki yang mengalami kebocoran pada tangki hadapan akibat terlanggar penghadang besi di laluan plaza tol."

Komander Operasi me-



ANGGOTA bomba melakukan kerja menutup lubang kebocoran pada sebuah lori tangki membawa muatan minyak sawit selepas penandunya terlanggar penghadang besi di Laluan Pintas Tol Juru mengahala arah utara, semalam.

# Pasang pintu platform penumpang di stesen LRT

Putrajaya: Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) diarah melaksanakan pemasangan pintu platform penumpang di semua stesen Transit Aliran Ringan (LRT) sebagai usaha meningkatkan keselamatan penumpang.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, beliau sudah meminta pengurusan Prasarana untuk melaksanakan perkara berkenaan kerana terdapat LRT dengan model lama masih tidak melaksanakan pemasangan pintu platform itu.

"Dari segi langkah keselamatan, memang saya sudah minta Prasarana merancang untuk memasang pintu platform penumpang di semua stesen LRT."

"Untuk stesen Mass Rapid Transit (MRT) baharu, memang ada pintu platform iaitu ada satu pintu sebelum tren sampai.

"Monorel telah kita silapkan, cuma untuk LRT Ampang dan ada stesen dengan reka bentuk lama, yang belum ada pemasangan pintu di platform," katanya dalam sidang media, di sini, semalam. Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan kematian seorang lelaki warga Taiwan dipercayai terjatuh ke landasan LRT di Stesen Pusat Bandar Puchong, kelmarin.

Loke berkata, beliau sudah menerima laporan insiden itu dan menyerahkannya kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menjalankan siasatan.

"Kita tahu bahawa itu memang satu kemalangan, tetapi kita biarkan pihak polis membuat siasatan dan (rakaman) kamera litar tertutup (CCTV) akan diserahkan kepada pihak polis untuk membuat siasatan terperinci," katanya. - Bernama

# LETUPAN KUAT GEGAR KULAI 3 meleur stor LPG terbakar

Bernama

Kulai

Tiga lelaki meleur dalam kebakaran sebuah stor penyimpanan gas petroleum cecair (LPG) di Kawasan Perindustrian Timur, di sini awal pagi semalam.

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri dalam kenyataan memaklumkan pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 1.40 pagi, sebelum jentera pertama tiba di lokasi kejadian enam minit kemudian yang terletak kira-kira lima kilometer dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kulai.

"Kebakaran membabitkan sebuah struktur kekal berke-

hasan 25 kaki x 80 kaki yang dijadikan stor penyimpanan LPG di premis Kedai Chop Ah Lek, No 102, Jalan Timur 4. Kemungkinan akibat kebakaran dianggarkan mencecah 95 peratus," menurut kenyataan itu.

JBPM negeri memaklumkan tiga lelaki berusia antara 30 hingga 40 tahun meleur dalam kejadian itu dan semua mereka dihantar ke Hospital Kulai.

"Pasukan bomba melaksanakan kerja penyejukan ke atas sebuah lori tangki LPG yang berada berhampiran bagi mengelakkan risiko letupan sekiranya."

"Kebakaran berjaya dikawal pada jam 2.31 pagi dan operasi ditamatkan sepenuhnya pada 3.25 pagi," menurut kenyataan itu.

# Juruuukur maut terjatuh lubang dari tingkat lapan

Bukit Mertajam: Seorang juruuukur maut selepas dipercayai terjatuh ke dalam lubang dengan anggaran ketinggian 27 meter, dari tingkat lapan di sebuah tapak pembinaan di sini, kelmarin.

Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Pulau Pinang Hairozie Asri berkata, pihaknya menerima maklumat kemalangan maut itu pada jam 10.30 pagi dan sepasukan pegawai penyiasat JKKP negeri terus ke lokasi kejadian.

"Mangsa seorang lelaki tempatan, juruuukur (verticality surveyor) berusia 41 tahun bekerja dengan syarikat subkontraktor di tapak pembinaan itu disahkan maut selepas dipercayai terjatuh dari tingkat lapan bangunan, melalui lubang terdapat di kawasan pressurisation shaft dan ia berlaku ketika mangsa sedang menjalankan kerja mengukur di kawasan lif lobi bangunan berkenaan."

"Siasatan awal menda-

pati kawasan lubang terbahit ditutup dengan papan lapis dan berpagar, namun dipercayai tidak mencukupi menampung beban atau memberi perlindungan kepada pekerja," katanya dalam kenyataan semalam.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata, JKKP Pulau Pinang sudah menyalurkan siasatan serta-merta pada hari kejadian dan mengeluarkan nota larangan kepada kontraktor utama menghentikan kerja berkaitan sehingga langkah keselamatan dipatuhi.

Hairozie berkata, pihaknya juga sudah mengarahkan kontraktor utama untuk menjalankan siasatan dalam bagi mengenal pasti punca kejadian dan langkah penambahbaikan serta membuat pembentangan kes kepada JKKP negeri sementara JKKP negeri akan mendapatkan dokumen berkaitan serta merakam percakapan dalam pemeriksaan bagi semua saksi yang sudah dikenal pasti.

## Disclaimer

Copyright 2025. National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia. All right reserved. No part of this publication can be reproduced, stored in retrieval system, or transcribed in any forms or by any means, electronic, photocopying, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner. Facts and opinions in articles published on FYI are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their articles including accuracy of the facts, statements, citing resources and so on.

NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MALAYSIA (NIOSH) Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (199201011539) Kementerian Sumber Manusia Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan Tel: 03-8769 2100 Fax: 03-8926 5655 www.niosh.com.my

